

# Tingkat keselamatan siber berfasa tangani penipuan data

**Padang Besar:** Kementerian Komunikasi dan Multimedia berusaha meningkatkan keselamatan siber secara berfasa untuk membendung kegiatan penggodam, penipuan dan pencuri data peribadi.

Timbalan Menteri, Datuk Zahidi Zainul Abidin, berkata kes penipuan siber dan jenayah komersial yang direkodkan di seluruh negara dilihat amat membimbangkan kerana bukan hanya membabitkan kanak-kanak dan belia, tetapi juga golongan berjawatan tinggi, profesional serta berpendidikan tinggi.

Beliau berkata, sumber Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan 9,215 kes jenayah komersial direkodkan di seluruh negara membabitkan kerugian mencecah RM717.2 juta bagi tempoh Januari hingga April.

"Jumlah penipuan siber diterima CyberSecurity Malaysia (CSM) untuk tempoh Januari hingga Ogos pula adalah 5,697 insiden berbanding 4,671 pada tempoh sama tahun lalu, meningkat 22 peratus," katanya berucap pada majlis penutup dan penyampaian



**Zahidi (tiga dari kanan) bersama peserta** pada perasmian Seminar Keibubapaan Siber: Ke Arah Fasih Digital di Institut Kemahiran Mara (IKM), Beseri, semalam. (Foto BERNAMA)

sijil Seminar Keibubapaan Siber: Ke Arah Fasih Digital di Institut Kemahiran Mara (IKM) dekat sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif CSM, Datuk Dr Amiruddin Wahab.

Zahidi berkata, hasil Kajian Garis Asas Kesedaran Keselamatan

Siber terhadap penggunaan teknologi dan internet menunjukkan 50 peratus pelajar sekolah menengah berinteraksi melalui laman media sosial tanpa paman-tauan ibu bapa, manakala satu daripada empat pelajar menghadapi masalah penyisihan, ugutan dan gangguan dalam talian.

Katanya, berdasarkan sumber Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pula, 94 peratus kanak-kanak terdedah pornografi dalam talian.

"Ini sangat membimbangkan kerana anak kita walaupun duduk di rumah dengan pintu berkunci dan diawasi depan mata,

realitinya sedang menjelajah dunia melalui peranti yang mempunyai akses dalam talian tanpa kita sedari.

"Anak kita yang belum matang boleh secara tidak sengaja mendedahkan data peribadi yang mampu mengundang jenayah siber," katanya. BERNAMA